

UM 7/7/06 (MS 7)

Kerepek bawang punca rezeki graduan UiTM

TEKS DAN GAMBAR
AZMAN MD NOOR

BAGI kebanyakan lepasan institut pengajian tinggi (IPT), mereka lebih cenderung memilih kerjaya berdasarkan kelulusan mereka atau sekurang-kurangnya bekerja di pejabat berhawa dingin. Bagaimanapun, bagi Noor Azwan Othman, 24, pengusaha kerepek bawang di bengkel Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Bandar Baru Beris Jaya, Sik, Kedah, beliau mempunyai pegangan tersendiri untuk berjaya.

Lulusan Diploma Senibina dan Senireka dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) ini tidak sedikitpun kesal kerana memilih untuk bekerja sendiri walaupun tidak selari dengan pendidikan yang diperolehinya.

Bagi beliau, usahanya itu sesuai dengan hasrat kerajaan yang kini ingin melihat lebih banyak golongan belia terutama yang berpendidikan tinggi menjalankan projek pertanian dan berdikari.

"Saya tidak menyesal menyertai bidang ini walaupun berlainan dengan kelulusan akademik," katanya.

Noor Azwan yang masih belum mendirikan rumah tangga sebelum ini mengusahakan kerepek bawang secara kecil-kecilan, namun selepas mendapat permintaan yang menggalakkan dia tekad menceburi bidang ini sepenuh masa.

"Ternyata pilihan saya untuk menjadi usahawan makanan berasaskan pertanian adalah tepat," ujarnya yang kini mempunyai enam pekerja di kalangan penduduk Beris Jaya.

Berbekalkan modal sebanyak RM30,000 serta pembelian mesin moden berharga RM70,000, Noor Azwan yakin pasaran kerepek bawang yang diusahakan oleh anak jati Beris Jaya ini akan berkembang pesat.

Noor Azwan yang ditawarkan seunit bengkel oleh Jabatan Pertanian untuk membolehkan perusahaan kerepek bawang yang dikeluarkannya dilaksanakan secara komersial.

Beliau yang baru setahun menceburi bidang itu bertambah yakin apabila permintaan terhadap produk keluaran syarikatnya diterima pelanggan.

Ternyata kesungguhan Noor Azwan menyertai industri ini membolehkannya memperoleh pendapatan antara RM3,000 dan RM4,000 sebulan.

Selain mendapat permintaan dari kedai-kedai runcit, kerepek bawang yang dikeluarkannya turut dijual di pasar raya-pasar raya terkenal di negara ini.

Katanya, paling membanggakan apabila ada permintaan pasaran kerepek bawang dari Singapura, Sabah dan Sarawak.

Di bengkel IKS itu, Noor Azwan mampu mengeluarkan sehingga 200 kilogram sehari kerepek bawang.

Anak ketiga daripada empat beradik ini sentiasa memastikan produk keluarannya sentiasa berkualiti serta dibungkus kemas bagi menarik perhatian pelanggan.



BENGGKEL kerepek Noor Azwan mampu mengeluarkan sehingga 200 kilogram sehari kerepek bawang.



WALAUPUN berkelulusan Diploma Senilukis dan Senireka, Noor Azwan Othman tidak kekok mengusahakan projek membuat kerepek di Bandar Baru Beris Jaya, Sik, Kedah.